

Penyelamat maruah umat manusia sejagat

U.M 30/3/07 MIS 10

Oleh A. MOHD RAHIMIN SIHAT

ANTARA rahmat yang paling besar dapat kita rasai hasil pengorbanan dan perjuangan Baginda ialah Iman dan Islam. Kedua-dua ini merupakan landasan kepada kita untuk tunduk dan patuh dengan melaksanakan perintah Allah s.w.t, membentuk keperibadian yang baik dan terpuji terutama ketika mengharungi cabaran dan dugaan hidup.

Seseorang yang mengaku beragama Islam sudah tentu tidak mudah terpengaruh dengan segala bentuk ajaran yang boleh memesongkan akidahnya. Manakala iman itu pula sebagai asas akidah yang boleh membentuk jiwanya berlandaskan paksi tauhid yang mengagungkan keesaan Allah s.w.t serta patuh kepadanya dan mencintai Rasulullah.

Sejarah yang diukir oleh seorang manusia yang luar biasa semenjak dilahirkan pada awal peringkat kanak-kanak lagi sehingga menjadi remaja dan dewasa, sebagai Nabi sehingga diutus menjadi Rasul merupakan manusia istimewa bukan sahaja terkenal dengan akhlakunya yang terpuji yang jarang dimiliki oleh manusia lain, malah memiliki ciri-ciri kesederhanaan dan perwatakan tenang, tabah dan tegas.

Baginda juga tidak mengenal erti kepayahan dan kesusahannya ketika menyampaikan misi menyebarkan wahyu Ilahi. Walaupun pada masa yang sama berhadapan dengan masyarakat yang ketika itu dibelenggu dengan kejahilan, penindasan dan dicemari dengan perebutan kuasa. Namun keadaan yang demikian

akhirnya dapat dipadamkan oleh dakwah Baginda.

Para ulama bersepakat bahawa Baginda Rasulullah adalah sebagai hamba dan manusia contoh yang mempunyai teladan yang baik dalam setiap bidang. Ini berdasarkan latar belakang Baginda sebagai seorang pemimpin, usahawan, pahlawan selain daripada ketua keluarga dan sebagainya.

Sebagai umatnya, contohilah segala sifat yang terpuji ini dengan meniru perwatakan Baginda dengan mengikut saranan dan ajaran yang dibawa oleh baginda. Langkah sedemikian akan dapat mengelakkan timbulnya masalah dalam kepimpinan, kepincangan dalam masyarakat, kepincangan dalam penguurusan dan tidak timbul soal perselisihan, pertengkar atau salah faham di dalam keluarga dan masyarakat.

Baginda Rasulullah s.a.w selama tempoh 23 tahun menyebarkan misi dakwahnya ternyata dapat menyatupadukan masyarakat Arab jahiliah yang ketika itu terkenal kebiadapannya, kekasaran dan kekejaman mereka. Walaupun dalam masa yang sama Baginda terpaksa berhadapan dengan musuh dan bahaya, namun Baginda tetap dan tabah serta tidak henti-henti menyampaikan mesejnya itu yang akhirnya tegak Islam sehingga ke hari ini.

Salah satu pengajaran yang paling berharga yang sepatutnya diamalkan oleh kita semua pada hari ini ialah bila mana Baginda dan para sahabatnya bermusyawarah untuk memutuskan sesuatu permasalahan. Maka sahabat-sahabatnya selalu bertanya, apakah ke-

putusan tersebut berlandaskan wahyu Allah atau pendapat Baginda sendiri? Jika berdasarkan wahyu, mereka serentak menjawab: "Kami dengar dan kami patuh", tetapi sekiranya daripada pendapat Baginda sendiri, maka para sahabat akan memberikan pendapat mereka yang boleh dipertimbangkan oleh Rasulullah s.a.w.

Kejayaan dan kecemerlangan Baginda adalah bersandarkan kekuatan yang lahir daripada sifat keperibadiannya yang bersifat sederhana, tegas, amanah, berkasih sayang. Kesemua sifat-sifat ini merupakan elemen penting ketika Baginda menyampaikan seruan dakwahnya. Walaupun dalam masa yang sama Baginda selalu diugut, dimaki, dicela dan dilemparkan dengan pelbagai tuduhan serta fitnah ke atas dirinya. Namun semua itu tidak menghalang usaha Baginda s.a.w untuk menyebarkan misi dakwahnya.

Prinsip Baginda yang tegas itulah telah menghalang Baginda daripada menerima pelbagai tawaran daripada kaum Quraisy dengan harapan Baginda meninggalkan misi dakwahnya, bahkan tidak sedikit pun hatinya berganjak dan tertarik dengan pelbagai tawaran yang diberikan. Sehingga pujuk rayu bapa saudaranya sendiri pun Baginda tidak menerimanya.

Dengan ketegasan inilah, kaum jahiliah merasa kecewa kerana gagal dalam perancangan jahat mereka dan menyedari Rasulullah s.a.w adalah pemimpin yang benar-benar cintakan agama Islam yang dibawanya.

Justeru dalam situasi sekarang ini,

kita hendaklah beringat dan berwaspada setiap masa kerana masih ada di kalangan musuh-musuh Islam yang tidak senang hati dan sentiasa mencari jalan memburuk-burukkan kemuliaan dan keagungan Rasulullah serta memperak-perandakan permuafakatan dan kesatuan umat Islam yang terbina.

Kedengian dan kejahatan mereka amat jelas apabila pelbagai taktik yang digunakan seperti karakter yang mempersendakan dan menghina Nabi Muhammad s.a.w.

Golongan ini memberi gambaran negatif tentang pengajaran yang dibawa oleh Rasulullah ke arah keganasan sedangkan Baginda mempunyai keperibadian yang mulia, dan sering kali bertindak membawa perdamaian dan permuafakatan.

Atas kesedaran inilah, sebarang tohmahan dan propaganda yang dilemparkan oleh musuh-musuh Islam hendaklah kita tangani dan tangkis bersama. Kita perlu merealisasikan perjuangan dan pengorbanan yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah dengan mengamalkan dan menghayati segala bentuk ajarannya. Kita perlu menjauhi daripada melakukan sebarang penghinaan, pemalsuan, penyelewengan terhadap kebenaran dan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah.

□ A. MOHD RAHIMIN SIHAT
ialah Penolong Pengurus
Yayasan Dakwah Islam
Malaysia (YADIM).